

HARIAN METRO 3.03.2008 M/S V5

Laman web cegah HIV/Aids

UPSI lancar blog bantu remaja beri maklumat, wujud kesedaran

>>Oleh Ihsan Noorzali

rencana@hmetro.com.my

BAGI mendidik masyarakat mengenai bahaya penularan HIV/Aids, Jabatan Biologi, Fakulti Sains dan Teknologi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengadakan majlis pelancaran laman web sekolah, myredribbon.blogspot.com, baru-baru ini.

Laman web berkenaan satu inisiatif UPSI memupuk kesedaran kepada pelajar sekolah mengenai bahaya virus itu sekali gus menjauhkan diri daripada terabit dalam gejala negatif.

Timbalan Dekan, Pengajian Siswazah dan Penyelidikan fakulti berkenaan, Profesor Madya Dr Noor Shah Saad, berkata pelancaran itu sejajar komitmen ditunjukkan pusat pengajian tinggi untuk membantu masyarakat supaya peka terhadap kesihatan dan memperoleh maklumat tepat mengenai HIV/ Aids.

Menurutnya, masyarakat juga diharap lebih memahami selain bersikap lebih prihatin



TINJAU... pelajar sekolah menengah sekitar Tanjong Malim tidak melepaskan peluang melayari laman web.

Pengarah Projek, Dr Maria Saleh pula menyifatkan pembinaan laman blog berkenaan yang mendapat bantuan kewangan daripada Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu, Jakarta sebagai satu mekanisme remaja berdiskusi secara bebas dan membuka minda berbincang mengenai penyakit berkenaan.

"Laman web berkenaan memberi peluang remaja meluahkan segala masalah dengan rakan secara bebas, membuat pautan dengan laman blog lain serta menghantar emel kepada rakan bagi meningkatkan pengetahuan mengenai virus ini."

"Langkah UPSI melancarkan blog berkenaan juga dianggap usaha positif membantu golongan remaja menghindari pelbagai gejala sosial yang melanda masyarakat," katanya.

Pada majlis sama, buku panduan mengenai HIV/Aids turut dilancarkan kepada peserta dari beberapa sekolah daerah Batang Padang dan Hulu Selangor.

“
Penubuhan laman web ini relevan dengan hasrat kerajaan bagi mencegah menularnya wabak penyakit sosial ini selain menarik minat golongan remaja menambah pengetahuan bagi menjamin keberkesanan pencegahan”

**>Profesor Madya
 Dr Noor Shah Saad
 Timbalan Dekan, Pengajian
 Siswazah dan Penyelidikan
 UPSI**

terhadap langkah pengawalan dan pencegahan HIV/Aids.

"Virus ini sangat berbahaya, justeru pendedahan mengenainya wajar dilakukan awal bagi membendung generasi muda terbabat dengan gejala yang boleh mendatangkan mudarat pada masa depan.

"UPSI mengambil inisiatif dengan menghasilkan laman web ini sebagai sumbangan sosial kepada masyarakat dengan sasaran dapat memberikan maklumat tepat di samping mewujudkan kesedaran," katanya ketika majlis perasmian.

Hadir sama, Pegawai Perubatan Pejabat Kesihatan Kajang, Selangor, Dr Ruhani Dauk Ismail; Pegawai Perubatan, Unit Kecemasan Hospital Besar Melaka, Dr Su-

raina Mohamad Sulaiman dan Pengarah Eksekutif Majlis Aids Malaysia, Wibur Wee.

Pelbagai pihak termasuk badan kerajaan dan bukan kerajaan (NGO), bertindak menghasilkan pelan strategik ke arah pencegahan, keprihatinan dan perubahan.

Justeru, kerajaan memperkenalkan program pendidikan bagi mencegah golongan remaja berumur 13 dan 25 tahun, menerusi Program Sihat Tanpa Aids Bagi Remaja (Prostar) pada 1996.

Pada akhir 2003, sebanyak 1,099 Kelab Prostar ditubuhkan di seluruh negara manakala seramai 64,000 kaunselor rakan sebaya diwujudkan yang disertai lebih 600,000 remaja.

Dr Noor Shah berkata, kerajaan juga menjalankan kerjasama dengan badan dunia mengenai HIV/Aids, Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unicef) bagi membantu badan dunia itu menangani penyakit yang merebak di seluruh dunia itu.

"Penubuhan laman web ini relevan dengan hasrat kerajaan bagi mencegah menularnya wabak penyakit sosial ini selain menarik minat golongan remaja menambah pengetahuan bagi menjamin keberkesanan pencegahan.

"UPSI berharap dapat menjalin kerjasama lebih rapat dengan pihak sekolah dan masyarakat secara berterusan serta bersepadu pada masa depan," katanya.



KENANGAN... antara penggerak utama majlis pelancaran laman web tidak melepaskan peluang bergambar kenangan selepas tamat perasmian.